



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SIJIL PELAJARAN MRSM 2023**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3
7
5
6
1

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Berikut adalah petikan daripada sebuah akhbar.

Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah melancarkan Anugerah Penggunaan Teknologi Digital (DTAA). DTAA berhasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai bagaimana akauntan menyumbang kepada perniagaan dan ekonomi menerusi penggunaan teknologi digital.

Sumber: *BERNAMA*, 14 Mac 2023

Apakah kod etika akauntan profesional dalam petikan tersebut?

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kompetensi
- D Sifat profesional

- 2 Komponen manakah yang terkandung dalam Sistem Maklumat Perakaunan (*Accounting Information System-AIS*)?

- I Manusia
- II Dokumen
- III Data sokongan
- IV Prosedur

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 3 Pernyataan manakah yang betul tentang ciri sebuah organisasi?

- A Keanggotaan minimum bagi Koperasi Maju Berhad adalah 50 orang
- B Modal Syarikat Platinum Berhad dikumpul daripada para pekongsi
- C Klinik Mahesh dan Rakan-rakan menanggung liabiliti yang terhad
- D Digital Enterprise berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Dobi Mewangi.

Baki pinjaman: RM30 000 Tarikh matang: 31 Disember 2023
--

Apakah klasifikasi butiran pinjaman dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023?

- A Liabiliti Bukan Semasa
 - B Aset Bukan Semasa
 - C Liabiliti Semasa
 - D Aset Semasa
- 5 Urus niaga manakah yang tidak memberi kesan kepada modal perniagaan?
- A Pemilik membayar utiliti kediaman dengan cek perniagaan
 - B Pemilik menggunakan wang peribadi untuk membeli barang niaga
 - C Pemilik membawa masuk mesin pencetak untuk kegunaan perniagaan
 - D Pemilik mengambil barang niaga untuk didermakan kepada rumah kebajikan
- 6 Berikut merupakan satu urus niaga di Butik Maliha.

Dua pasang baju kurung tradisional disewakan kepada Puan Fatim dengan harga RM150 sepasang secara tunai.
--

Apakah kesan urus niaga?

- A Untung bersih berkurang RM150, tunai berkurang RM150
- B Untung bersih bertambah RM150, tunai bertambah RM150
- C Untung bersih berkurang RM300, tunai berkurang RM300
- D Untung bersih bertambah RM300, tunai bertambah RM300

[Lihat halaman sebelah]

- 7 Maklumat berikut diperoleh daripada Kumar Enterprise.

Beli barang niaga daripada Pembekal Hashim secara kredit dan memulangkan sebahagian barangan yang rosak. Bayaran dijelaskan dengan cek.

Apakah aliran dokumen yang berlaku dalam urus niaga tersebut?

- A Invois asal → Nota kredit asal → Cek
 B Invois salinan → Nota kredit salinan → Cek
 C Invois asal → Nota kredit asal → Keratan Cek
 D Invois salinan → Nota kredit salinan → Keratan Cek
- 8 Apakah urus niaga yang melibatkan nota debit salinan?
- A Invois belian terlebih nyata
 B Invois belian terkurang nyata
 C Kuantiti barangan yang dipesan pelanggan terlebih nyata
 D Kuantiti barangan yang dipesan pelanggan terkurang nyata
- 9 Berikut adalah urus niaga daripada buku Kedai Alatan Sukan Power.

Pemilik mengambil sebuah rak pameran kedai untuk kediamannya.

Apakah catatan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Kelengkapan
B	Kelengkapan	Ambilan
C	Ambilan	Belian
D	Belian	Ambilan

10 Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada Perniagaan Intan.

2022	
Sep 4	Menghantar invois kepada Kedai Kamal RM6 500 pada harga senarai dengan diskaun niaga 15%.
15	Kedai Kamal memulangkan barang niaga bernilai RM500 yang dijual kepadanya pada 4 September.

Apakah catatan dalam Jurnal Khas?

A **Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Sep 15	Kedai Kamal	500

B **Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Sep 15	Kedai Kamal	425

C **Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Sep 15	Kedai Kamal	500

D **Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Sep 15	Kedai Kamal	425

[Lihat halaman sebelah]

11 Dokumen berikut diterima oleh **Perniagaan Aqil Abasyi**.

MAKLUMAN KREDIT	
CIMB Bank Jalan Dato Paduka Alam 79015 Klang, Selangor	
Kepada: Perniagaan Aqil Abasyi No 35 Jalan Perpaduan 79000 Klang, Selangor	
Tarikh: 19 April 2023	No. Akaun: 8500520035
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:	
BUTIR	JUMLAH (RM)
Dividen atas pelaburan daripada Syarikat Maju Bhd.	560.00
Ringgit Malaysia: <u>Lima ratus enam puluh sahaja</u>	
<i>Ally</i> Pengurus	

Dokumen 1

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A Debit lajur tunai RM560
- B Debit lajur bank RM560
- C Kredit lajur tunai RM560
- D Kredit lajur bank RM560

12 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Alat Tulis Nasrullah.

Pemilik menjual van peribadinya secara tunai RM20 000 dan dibankkan ke akaun perniagaan.

Apakah catatan bergu yang betul?

A

Akaun Tunai	
	RM
Kenderaan	20 000

Akaun Kenderaan	
	RM
Tunai	20 000

B

Akaun Bank	
	RM
Kenderaan	20 000

Akaun Kenderaan	
	RM
Bank	20 000

C

Akaun Tunai	
	RM
Modal	20 000

Akaun Modal	
	RM
Tunai	20 000

D

Akaun Bank	
	RM
Modal	20 000

Akaun Modal	
	RM
Bank	20 000

[Lihat halaman sebelah]

13 Maklumat berikut diperolehi daripada Nisrina Trading.

	RM
Baki Akaun Kawalan Belum Bayar pada 1 Mac 2023	4 690
Belian kredit	97 500
Tunai dibayar kepada pembekal	69 000
Diskaun diterima	600
Pulangan keluar	3 000
Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan	190

Berapakah baki Akaun Kawalan Belum Bayar pada 31 Mac 2023?

- A RM20 020
- B RM20 400
- C RM29 400
- D RM29 780

14 Berikut lejar yang diperolehi daripada Kedai Nasi Dagang Sedap.

Akaun Komisen Diberi

2022		RM	2022		RM
Dis 31	R	600	Dis 31	S	600
		600			600
		600			600

Apakah butiran **R** dan **S**?

	R	S
A	Bank	Akaun Perdagangan
B	Akaun Perdagangan	Bank
C	Bank	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Bank

15 Berikut perbualan di antara pemilik Perniagaan Idora bersama pekerjanya.



Rajah 1

Apakah kesan yang dimaksudkan oleh Puan Idora?

- A Kos barang untuk dijual rendah
 - B Kos barang untuk dijual tinggi
 - C Kos jualan rendah
 - D Kos jualan tinggi
- 16 Apakah ciri sewa belum terperoleh?
- A Belanja yang belum dibayar dalam tempoh perakaunan semasa
 - B Hasil yang belum diterima dalam tempoh perakaunan semasa
 - C Mengurangkan belanja yang dibayar bagi tahun semasa
 - D Mengurangkan hasil yang diterima bagi tahun semasa

[Lihat halaman sebelah]

17 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan D'Mart Besout.

Aset Bukan Semasa	Tarikh beli	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku 31 Dis 2022
Perabot	1 Jan 2021	RM4 200	RM1 260	RM2 940

Polisi perniagaan menetapkan kadar susut nilai 15% setahun.

Apakah kaedah susut nilai yang digunakan perniagaan?

- A Garis Lurus
- B Perbandingan
- C Penilaian semula
- D Baki Berkurangan

18 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Kasturi.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2023 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	47 400	
Hutang Lapuk	1 450	

Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya sebanyak RM3 100 dihapuskan. Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah nilai Peruntukan Hutang Ragu dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM857
- B RM886
- C RM919
- D RM948

- 19 Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Kilang Beras Sekinchan.

	RM
Kos Jentera (1 Januari 2020)	35 000
Susut Nilai Terkumpul (31 Disember 2021)	12 600
Harga jualan Jentera (30 September 2022)	20 500

Kadar susut nilai 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

Apakah kesan pelupusan ke atas untung bersih pada 31 Disember 2022?

- A Berkurang RM2 580
 B Berkurang RM1 460
 C Bertambah RM2 580
 D Bertambah RM1 460
- 20 Urus niaga manakah yang menunjukkan kesilapan ketara?
- A Belian perabot RM800 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian.
 B Jualan kredit sebanyak RM480 kepada Imani telah direkodkan dalam Akaun Amani.
 C Ambilan barang niaga RM130 untuk tujuan derma telah didebitkan dalam Akaun Derma dan Akaun Belian.
 D Bayaran promosi RM200 secara tunai telah didebitkan dalam Buku Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Promosi.
- 21 Manakah padanan yang betul?

	Nisbah	Tujuan
A	Tokokan	Mengukur kadar pertambahan kos barang bagi mendapatkan harga jualan.
B	Nisbah Semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang.
C	Pulangan Atas Modal	Mengukur kadar untung bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit jualan bersih.
D	Margin Untung Bersih	Mengukur kadar untung bersih atas setiap ringgit yang dilaburkan.

- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada perusahaan industri makanan kering.

Nisbah	Perniagaan Aira	Perniagaan Fendi
Kadar Pusing Ganti Inventori	10 kali	12 kali

Apakah tafsiran yang tepat tentang pengurusan inventori?

- A Jualan Perniagaan Aira lebih tinggi daripada Perniagaan Fendi.
 - B Pengurusan inventori Perniagaan Aira lebih efisien berbanding Perniagaan Fendi.
 - C Perniagaan Aira mengeluarkan kos penyimpanan inventori yang lebih tinggi berbanding Perniagaan Fendi.
 - D Perniagaan Aira menukar inventori setiap 10 bulan sekali manakala Perniagaan Fendi menukar inventori setiap 12 bulan sekali.
- 23 Berikut rumus sebuah perniagaan yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

$$X = \text{Jumlah Aset} - \text{Jumlah Liabiliti}$$

Apakah X?

- A Modal
- B Modal kerja
- C Untung kasar
- D Untung bersih

24 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Adri.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Akaun Belum Terima	1 600	2 500
Maklumat tambahan:		
(i)	Hutang lapuk RM200 dihapuskan.	
(ii)	Peruntukan hutang ragu berjumlah RM80.	
(iii)	Cek bernilai RM1 350 diterima daripada Akaun Belum Terima.	
(iv)	Jualan tunai RM1 000.	

Berapakah jumlah jualan?

- A RM2 050
- B RM2 450
- C RM2 530
- D RM3 450

25 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Zila.

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Sewa Belum Terima	600	1 200
Sewa Belum Terperoleh	-	550
Maklumat tambahan: Sewa yang diterima dengan cek ialah RM13 750		

Berapakah jumlah sewa dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM12 600
- B RM13 700
- C RM13 800
- D RM14 900

[Lihat halaman sebelah]

26 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syamim Trading.

Buku Tunai (petikan)

	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
	2023			
	Jan 9	Promosi	500032	255

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2023		RM	RM	RM
Jan 12	Cek 500032	225		

Apakah catatan dalam Buku Tunai dikemas kini?

A

Buku Tunai (Dikemas kini)

Tarikh	Butir	RM
2023		
Jan 31	Promosi	30

B

Buku Tunai (Dikemas kini)

Tarikh	Butir	RM
2023		
Jan 31	Promosi	225

C

Buku Tunai (Dikemas kini)

	Tarikh	Butir	RM
	2023		
	Jan 31	Promosi	225

D

Buku Tunai (Dikemas kini)

	Tarikh	Butir	RM
	2023		
	Jan 31	Promosi	30

27 Petikan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Alia Enterprise.

Penyata Bank (petikan)				
Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2023		RM	RM	RM
Ogos 31	Baki akhir			(12 785)

Maklumat tambahan:

- (i) Sekeping cek yang diterima berjumlah RM300 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Berapakah baki Buku Tunai selepas diselaraskan?

- A Debit RM12 485
 B Kredit RM12 485
 C Kredit RM13 085
 D Debit RM13 085

28 Maklumat berikut diperoleh daripada buku ABC Trading.

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2023 (petikan)

Butiran	April	Mei	Jun
	RM	RM	RM
Baki b/b			
<u>Penerimaan</u>			
T			
Jumlah Penerimaan			
<u>Pembayaran</u>			
U			
Jumlah Pembayaran			
Lebihan/(Kurangan)			
Baki h/b			

Apakah butiran U?

- A Susut nilai mesin
 B Akaun Belum Bayar
 C Akaun Belum Terima
 D Peruntukan hutang ragu

[Lihat halaman sebelah]

29 Antara berikut, manakah merupakan kandungan dalam Akta Perkongsian 1961?

- I Faedah atas modal dibayar kepada pekongsi mengikut nilai keuntungan
- II Gaji dibayar kepada pekongsi yang menguruskan perkongsian
- III Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar sebanyak 8% setahun
- IV Untung atau rugi dibahagi secara sama rata antara pekongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Antara berikut, manakah sebab-sebab pembubaran perkongsian?

- I Arahan mahkamah
- II Pekongsi kekurangan modal
- III Perkongsian mengalami kerugian
- IV Perkongsian telah mencapai matlamat penubuhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut diambil daripada buku Perkongsian Dinar.

Butir	Din RM	Arif RM
Baki awal Akaun Semasa	(5 000)	10 000
Gaji pekongsi	12 000	-
Ambilan	-	3 000
Kongsi untung	16 120	16 120

Maklumat tambahan:

- (i) Faedah atas ambilan 5% setahun.
- (ii) Gaji Din yang telah dibayar RM10 000.

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Din dan Arif?

	Din RM	Arif RM
A	13 120	22 970
B	13 120	29 270
C	23 120	22 970
D	23 120	29 270

32 Pada 10 Mac 2023, Syarikat RAMA Berhad telah menerbitkan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam. Setelah permohonan ditutup, jumlah wang yang diterima berjumlah RM3 300 000. Wang lebihan langganan dipulangkan semula kepada pemohon yang tidak berjaya.

Apakah catatan lebihan langganan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Bank RM1 800 000	Permohonan Syer Biasa RM1 800 000
B	Bank RM300 000	Permohonan Syer Biasa RM300 000
C	Permohonan Syer Biasa RM1 800 000	Bank RM1 800 000
D	Permohonan Syer Biasa RM300 000	Bank RM300 000

[Lihat halaman sebelah]

33 Apakah komponen ekuiti pemilik bagi Syarikat Baba Ali Berhad?

- A Dana Terkumpul
- B Akaun Modal dan Akaun Semasa
- C Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- D Modal Awal, Untung Bersih dan Ambilan

34 Syarikat Mesti Berjaya Berhad telah menerbitkan 250 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.80 sesyer kepada orang awam. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 30 November setiap tahun.

Syarikat telah mengisytiharkan bayaran dividen interim sebanyak 2% dan dividen akhir sebanyak 5 sen seunit kepada pemegang Syer Biasa.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM17 500
- B RM16 500
- C RM6 000
- D RM5 000

35 Antara berikut, manakah padanan yang betul?

	Kedai Runcit Mesra	Kelab Futsal Taman Puteri
A	Untung Kasar	Lebihan
B	Modal	Dana Terkumpul
C	Buku Tunai	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Penerimaan dan Pembayaran

36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Memasak Desa Wira.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

	RM	
Penerimaan		
Yuran ahli	2 150	

	1 Januari 2022 RM	31 Disember 2022 RM
Yuran belum terima	300	?
Yuran belum terperoleh	350	-

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran tahunan RM50 setahun.
- (ii) Terdapat 4 orang ahli belum menjelaskan yuran pada tahun semasa.

Berapakah jumlah yuran bagi tahun 2022?

- A RM1 900
- B RM2 300
- C RM2 400
- D RM2 600

37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku akaun Kelab Seni Tari.

	RM
Jualan restoran	18 460
Belian restoran	12 300
Inventori awal restoran	4 720
Inventori akhir restoran	3 740
Upah pekerja	4 000

Maklumat tambahan: 40% daripada upah pekerja adalah upah pekerja restoran.

Berapakah untung restoran kelab?

- A RM9 180
- B RM6 780
- C RM3 580
- D RM1 180

[Lihat halaman sebelah]

38 Manakah padanan komponen kos yang betul?

	Kos Bahan Langsung	Kos Buruh Langsung	Kos Overhed
A	Angkutan masuk	Gaji operator kilang	Insurans kilang
B	Angkutan keluar	Gaji operator kilang	Minyak pelincir kilang
C	Insurans atas belian	Gaji pengurus kilang	Belanja membaiki mesin
D	Duti import	Gaji pengurus kilang	Susut nilai alatan kilang

39 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Kasut Ajmal pada 30 Jun 2022.

	RM
Royalti	7 000
Gaji operator kilang	95 000
Gaji pengurus kilang	36 000
Penyelenggaraan mesin kilang	8 900
Susut nilai mesin kilang	5 000
Kadar bayaran (20% pejabat)	12 000

Berapakah kos overhed?

- A RM52 300
- B RM59 500
- C RM147 300
- D RM154 500

40 Maklumat berikut diperoleh daripada Gerai Homemade Burger.

	RM
Roti	0.50/unit
Bahan-bahan lain	2.00/unit
Kotak pembungkusan	0.50/unit
Peralatan	300.00
Sewa tapak gerai	180.00
Harga jualan	4.00/unit

Maklumat tambahan:

- (i) Harga jualan seunit meningkat sebanyak 25%.
- (ii) Untung sasaran RM2 500.

Berapakah bilangan burger yang perlu dijual?

- A 1 072 unit
- B 1 340 unit
- C 1 400 unit
- D 1 490 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Prinsip Perakaunan K1 MRSM 2023